

02/10/1999

Generasi muda mesti berani

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Generasi muda negara ini perlu mempunyai sikap dan semangat boleh, yakin serta berani bagi memastikan mereka dapat meneruskan kemajuan dan kemakmuran yang dinikmati negara selama ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, generasi bakal pemimpin negara pada alaf akan datang perlu mempunyai sikap bahawa tidak ada sesuatu pun yang berlaku di dunia ini boleh memeranjatkan mereka.

"Tidak akan ada tempat bagi mereka pada alaf akan datang jika mereka tidak kuat dan cekap.

"Mahu atau tidak mahu, proses perubahan akan berlaku. Oleh itu generasi akan datang terutama mahasiswa adalah kesinambungan yang perlu bagi memastikan Malaysia terus kuat dan berpengaruh di pentas antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap mengenai 'Perkembangan Politik Antarabangsa dan Implikasi Ke atas Politik Negara di Alaf Baru', pada seminar kepemimpinan mahasiswa melalui Program Pembangunan Sahsiah Institusi Pengajian Tinggi, anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan di sini, malam ini.

Seminar tiga hari itu menghimpunkan lebih 200 pemimpin pelajar dari IPTA di seluruh negara, untuk berbincang dan berdialog dengan beberapa pemimpin negara, termasuk Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid.

Ketika sesi soal jawab, Abdullah antara lain ditanya mengenai demokrasi yang menjadi amalan negara ini, kesan kegawatan politik terhadap imej negara kepada dunia luar, hubungan Malaysia-Singapura serta kedudukan Amerika yang bertindak sebagai polis dunia serta kesannya terhadap negara kecil termasuk Malaysia.

Abdullah menjelaskan Malaysia tidak akan tunduk kepada desakan supaya meniru pengalaman negara lain terutama dalam menangani isu demokrasi dan demonstrasi yang dilaksanakan oleh segelintir rakyat negara ini.

Sebaliknya, kata beliau, kerajaan lebih percaya penyelesaian melalui meja rundingan.

Katanya, rakyat negara ini tidak menggunakan alasan ketiadaan demokrasi untuk mencetus keganasan dan rusuhan di negara ini kerana tidak ada siapa yang akan mendapat manfaat daripadanya.

"Kita tidak boleh menjadikan pengalaman negara lain untuk menangani masalah di negara kita. Kita punya cara yang baik dan telah diuji dengan berkesan untuk menguruskan negara kita sendiri.

"Kita mesti meneruskan kemerdekaan politik dan ekonomi yang kita kecapai selama ini dan bukannya tunduk kepada penjajahan alaf baru seperti yang cuba digunakan oleh beberapa pertubuhan Barat," katanya.

Abdullah turut memberi penjelasan mengenai kawalan mata wang dan modal yang dikenakan kerajaan dan betapa ia kini semakin menerima perhatian dunia antarabangsa.

Beliau turut menyentuh mengenai kerja keras Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sanggup berseorangan dalam mengemukakan pandangan tegas membabitkan pelbagai isu antarabangsa termasuk ketika berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York, dua hari lalu.

(END)